

JASMINE FOOD CORPORATION SDN. BHD



**PERADUAN  
HEALTHY RICESTYLE  
BERSAMA JASMINE  
2024**



**SYARAT-SYARAT PERADUAN  
HEALTHY RICESTYLE  
BERSAMA JASMINE  
2024**

**RESIPI BERASASKAN  
NASI DENGAN BERAS  
JASMINE SUPER**

## **SYARAT-SYARAT PERADUAN HEALTHY RICESTYLE BERSAMA JASMINE 2024**

### **1. Kelayakan Peserta:**

- a) Terbuka kepada semua pelajar **Tingkatan 1-5 (berumur 13 tahun – 17 tahun)** dari sekolah-sekolah yang disenaraikan di Lampiran 1 secara sukarela tanpa paksaan mana-mana pihak.
- b) Peserta tidak mengalami apa-apa masalah kesihatan yang boleh mengganggu atau memudaratkan diri ketika perjalanan pertandingan.
- c) Hanya satu (1) murid sahaja yang boleh berada dalam video.

### **2. Syarat-syarat Penyertaan Peraduan Healthy RiceStyle Bersama Jasmine 2024**

- a) Tarikh penyertaan **dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024**.
- b) Mana-mana penyertaan yang telah dihantar tetap sah dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah.
- c) Semua peserta dibenarkan untuk membuat penyertaan tanpa had tetapi setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja.
- d) Peserta wajib mendapat persetujuan daripada ibu bapa/penjaga sebelum menyertai Peraduan Healthy RiceStyle Bersama Jasmine 2024.
- e) Peserta wajib melengkapkan borang maklumat dan persetujuan dalam Borang Penyertaan
- f) Peserta perlu merakam video memasak, muat naik video di Youtube dan kongsikan pautan (link) dan resipi bertulis melalui Borang Penyertaan untuk melengkapkan proses menyertai pertandingan.
- g) Peserta digalakkan melakukan aktiviti memasak ini di rumah atau di sekolah dengan pengawasan oleh pihak ibu bapa/penjaga atau guru pembimbing demi keselamatan diri.

- h) Peserta digalakkan memakai pakaian yang sopan, kemas dan selamat.
- i) Video resipi hendaklah menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa perantaraan.
- j) Peserta bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi mereka dan Jasmine Food Corporation Sdn Bhd berhak untuk menyimpan, memproses, menerbitkan dan menggunakan nama dan/atau video peserta dan pemenang untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis selanjutnya dan peserta tidak berhak untuk membuat tuntutan terhadap Jasmine Food Corporation Sdn Bhd untuk penggunaan yang dinyatakan di atas.

Peserta perlu membaca kesemua garis panduan dan langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh pihak Jasmine Food Corporation Sdn Bhd untuk menyertai Peraduan Healthy RiceStyle Bersama Jasmine 2024:

**Langkah 1 – Penyertaan Peraduan Healthy RiceStyle Bersama Jasmine 2024**

- a) Peserta perlu ke lawan sesawang [www.bit.ly/healthyricestyle](http://www.bit.ly/healthyricestyle) atau scan Kod QR yang tertera di risalah.
- b) Peserta wajib melengkapkan borang maklumat dan persetujuan terma dan syarat Peraduan Healthy RiceStyle Bersama Jasmine 2024 dalam [Borang Penyertaan](#).
- c) Rakam video memasak menggunakan beras JASMINE Super 5 berdurasi antara satu (1) hingga tiga (3) minit, kemudian muat naik video ke laman Youtube.
- d) Kongsi pautan (link) video berserta resipi bertulis melalui [Borang Penyertaan](#).

## **Langkah 2 – Panduan video memasak**

- a) Peserta perlu menunjukkan kreativiti persembahan di dalam video.
- b) Masakan yang disediakan mestilah menggunakan bahan-bahan yang HALAL.
- c) Peserta diwajibkan menggunakan produk beras JASMINE Super 5 dalam resipi yang dihantarkan.
- d) Peserta dibenarkan untuk menggunakan bahan segar, rempah ratus dan bahan-bahan masakan atau produk jenama lain tanpa mempamerkan jenama selain JASMINE di dalam video.
- e) Kos bahan mentah, peralatan, dan bahan-bahan masakan perlu ditanggung sendiri oleh peserta.
- f) Peserta perlu merakam video mengikut panduan masa yang ditetapkan. Durasi masa antara satu (1) hingga tiga (3) minit selepas penyuntingan.
- g) Jika menggunakan lagu latar belakang, pastikan ia tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak berkenaan.

## **Langkah 3: Muat naik resipi dan video**

- a) Peserta harus muat naik video di laman Youtube dan dapatkan pautan (link).
- b) Tajuk video resipi harus dimulakan dengan ‘Jasmine Healthy RiceStyle 2024’ diikuti dengan nama resipi peserta.  
*Contoh: Jasmine Healthy RiceStyle 2024 Nasi Goreng Ulam.*
- c) Video Youtube resipi harus ditetapkan kepada umum.
- d) Setelah video dimuat naik di Youtube, kongsikan pautan (link) di dalam [Borang Penyertaan](#).
- e) Sertakan resipi (bahan-bahan yang diperlukan dan cara memasak) secara bertulis di dalam [Borang Penyertaan](#).

#### **Langkah 4:** Penjurian Pemenang

- a) Penjurian akan dibuat dalam jangka masa empat (4) minggu bermula daripada **1 September** sehingga **30 September 2024**. Penyenaraian pemenang akan dibuat selepas tarikh selesai penjurian.
- b) Kesemua pihak juri terdiri daripada pihak pengurusan Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd.
- c) Pemenang akan dipilih berdasarkan kreativiti resipi, persembahan, dan penggunaan beras JASMINE Super 5.
- d) Sejumlah empat belas (14) pemenang akan dipilih daripada sejumlah lima puluh (50) sekolah menengah yang terlibat.
- e) Pemenang akan dihubungi melalui nombor telefon yang diberikan di dalam borang penyertaan sebelum **31 Disember 2024**.
- f) Hadiah akan dihantar terus ke pemenang melalui pos atau kredit eWallet.

#### **3. Butiran Hadiah kepada Pemenang Peraduan Healthy RiceStyle Bersama Jasmine 2024**

- a) Hadiah Utama – Nintendo Switch OLED Edisi Terhad x 1 (bernilai RM1,500)
- b) Hadiah Pertama – Kredit eWallet RM500 x 1
- c) Hadiah Kedua – Kredit eWallet RM300 x 1
- d) Hadiah Ketiga – Kredit eWallet RM200 x 1
- e) Hadiah Sagu Hati – Kredit eWallet RM50 x 10

#### **4. Terma Tambahan**

Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd. berhak untuk meminda, memadam atau menambah Terma dan Syarat Peraduan ini tanpa sebarang notis awal pada bila-bila masa dan Peserta akan terikat dengan perubahan tersebut.

#### **AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“PDPA”)**

Notis Di Bawah Seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”) kepada peserta Peraduan “Healthy RiceStyle bersama Jasmine 2024” anjuran Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd.

Di bawah PDPA, terdapat beberapa syarat yang mengawal pemprosesan data peribadi anda sebagai individu (“Individu”). Ia memaklumkan Individu tentang hak-hak anda di bawah PDPA, termasuk tindakan yang boleh diambil oleh Individu untuk melaksanakan hak-hak tersebut dan akibatnya, dan secara khususnya:-

- a) Bahawa kami [“Penganjur”] mengumpul data peribadi daripada penyertaan anda;
- b) Data peribadi Individu dikumpul untuk Peraduan;
- c) Individu mempunyai hak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda;
- d) Data peribadi Individu akan dikongsi dengan Agensi yang dilantik untuk tujuan pemprosesan;
- e) Data peribadi Individu akan diguna untuk tujuan Peraduan sahaja;
- f) Data peribadi yang diminta adalah wajib, dan jika maklumat yang diberikan tidak lengkap, penyertaan Individu tidak akan diterima;
- g) Sekiranya Individu telah disahkan sebagai Pemenang, sebarang perubahan kepada data peribadi individu harus dimaklumkan kepada Penganjur; dan

Sekiranya Individu mempunyai pertanyaan atau ingin memberi maklum balas, anda boleh menghantar e-mel ke [contactus@jasmine.com.my](mailto:contactus@jasmine.com.my).

**Lampiran 1**

- a) Sekolah-sekolah yang terlibat dan layak menyertai Peraduan Healthy RiceStyle Bersama Jasmine 2024:

No	Sekolah	No	Sekolah
1	SMK Taman Tun Dr Ismail	27	SMK Darul Ehsan
2	SMK Sungai Besi	28	SMK Sierramas
3	SMK Taman Desa	29	SMK Bukit Rahman Putra
4	SMK Petaling	30	SMK Bukit Jalil
5	SMK Bandar Puchong Jaya (A)	31	SMK Seri Gombak
6	SMK Bandar Sri Damansara 2	32	SMK Seri Keramat
7	SMK Puncak Alam 3	33	SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
8	SMK Desa Perdana	34	SMK Seksyen 24 (2)
9	SMK Sinar Bintang	35	SMK Taman Sea
10	SMK Seksyen 18	36	SMK Damansara Damai 1
11	SMK Subang Jaya	37	SMK Bukit Bandaraya
12	SMK Seri Bintang Selatan	38	SMK Bandar Baru Sungai Buloh
13	SMK Desa Tun Hussien Onn	39	SMK Wangsa Melawati
14	SMK Datok Lokman	40	SMK Zon R1 Wangsa Maju
15	SMK Sentul Utama	41	SMK Seri Tasik
16	SMK Seksyen 8 Kota Damansara	42	SMK Seksyen 3 Bandar Kinrara
17	SMK Aminuddin Baki	43	SMK Putrajaya Presint 9(1)
18	SMK Taman Medan	44	SMK Putrajaya Presint 11 (1)
19	SMK Alam Damai	45	SMK Kelana Jaya
20	SMK Taman Desa 2	46	SMK Seksyen 27
21	SMK Seksyen 4 Kota Damansara	47	SMK Bandar Baru Sungai Buloh
22	SMK Seksyen 10 Kota Damansara	48	SMK Taman Tun Dr Ismail Jaya
23	SMK Tun Perak	49	SMK Lembah Keramat
24	SMK Rawang	50	SMK Seri Selayang
25	SMK Bandar Sungai Buaya	51	SMK Seri Hartamas
26	SMK Tropicana		

## **Lampiran 2**

b) Rujukan Panduan Merakam Video

<b>Garis panduan</b>
<b>Pengenalan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pengenalan Diri – perkenalkan nama, tingakatan/kelas dan nama sekolah</li><li>- Nama masakan/Jenis masakan – Hidangan yang akan dimasak</li></ul>
<b>Bahagian Memasak</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pengenalan bahan-bahan - terangkan bahan-bahan yang digunakan <i>(Hanya tunjuk jenama JASMINE sahaja, label jenama lain harus ditutup)</i></li><li>- Cara memasak - terangkan cara memasak</li></ul>
<b>Penutup</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Akhiri video dengan gambar masakan menggunakan beras JASMINE Super 5 dan hias ikut kreativiti masing-masing</li></ul>